

January 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

7th
ISSUE

info kampus

UiTM SARAWAK BULLETIN



UiTM Transformation Program

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

Misi Penyelidikan

ke Jawa Tengah dan Barat, Indonesia



Gambar kenangan di Menara Kudus di Masjid Kudus



Sesi bergambar bersama Juru kunci (Kanjén) di Makam Sunan Kudus yang merupakan keturunan kepada Sunan Kudus



Sesi bergambar kenangan bersama Sultan Sepuh XIV Pangeran Raja Adipati Arief Natadiningrat SE, Karaton Kasepuhan Cirebon

Pada 26-31 Disember 2015, para penyelidik UiTM Sarawak yang dianggotai oleh Rektor UiTM Sarawak, Prof. Dato Dr. Jamil Bin Hj. Hamali dan empat orang pensyarah UiTM Sarawak iaitu Ustazah Sharifah Anom Binti Omar, Dr. Abdul Razak Bin Abdul Kadir, Dr. Saimi Bin Bujang dan Dr. Hadenan Bin Hj. Towpek serta 14 orang mahasiswa peringkat diploma dalam pelbagai bidang telah menyertai program lawatan penyelidikan ke Indonesia. Penyelidikan tentang Hubungan Islam di Jawa dan Borneo (Sarawak) yang diamanahkan oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak, Pehin Sri Abdul Taib Mahmud ini telah memasuki fasa yang seterusnya dengan para penyelidik menjejaki dua kawasan besar iaitu Jawa Tengah dan Barat.

Para penyelidik telah mendalami pengetahuan secara terperinci mengenai sejarah Wali Songo dan kaitannya dengan Borneo dengan mengunjungi ke tempat-tempat yang dipercayai mempunyai kaitan dengan Wali Songo. Mereka telah berkunjung ke makam Suna Muria, makam Sunan Kudus dan Makam Sunan Kalijaga. Selain itu, mereka turut ke Cirebon untuk mengkaji Maulana Syarif Hidayatullah dan setelah mendapat keizinan daripada Sultan Cirebon, para penyelidik berpeluang ke makam Maulana Syarif Hidayatullah. Para penyelidik juga turut berpeluang melawat industri kayu jati di Jepara, industri telur masin di Brebes dan Istana Kesepuhan Cirebon. Di istana, para penyelidik telah mengadakan perbincangan bersama Sultan Kesepuhan Cirebon serta tiga orang pakar sejarah di Cirebon untuk mengetahui lebih lanjut mengenai salah seorang Wali Songo iaitu Maulana Syarif Hidayatullah serta kaitan Wali Songo dengan hubungan di Malaysia. Hari-hari terakhir sebelum pulang ke tanahair telah diisi dengan melawat tempat-tempat menarik di ibu kota Jakarta. Pada hari terakhir di Jakarta, para penyelidik berkesempatan bertemu dengan Ketua Atase Agama Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia. Selepas itu, kumpulan penyelidik bersiap untuk ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sukarno-Hatta untuk pulang ke Malaysia.

Secara kesimpulannya, melalui lawatan yang telah dilakukan oleh para penyelidik di Indonesia, banyak maklumat yang telah diperolehi oleh para penyelidik mengenai hasil peninggalan tempat para Wali Songo. Hal ini telah memberi impak positif terhadap kajian untuk proses pendokumentasian.

Penyerahan Cenderahati kepada Atase Agama Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my